

PENGARUH KOMPETENSI PROFESIONAL DAN PEMBANGUNAN PROFESIONALISME GURU

Jamilah Sulaiman
Prof. Madya Dr. Siti Noor Ismail
Pusat Pengajian Pendidikan Dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia
jamilahsulaiman6669@gmail.com

Abstract - Teacher professional competency (TPC) is a critical key element that can ensure successful school change and national education aspirations. TPC is often associated with improving quality in education. There is a strong demand for competent and capable human capital with 21st century skills, which include critical thinking skills, problem solving skills, communication skills, collaborative ability, innovation and creativity, information and media technology skills, life and career, initiative and direction, cultural skills, productivity and accountability, and leadership and responsibility. Teachers are the agent who are responsible for preparing students with these new skills. Therefore, teachers must improve their competence by changing attitudes, skills, and knowledge through professional development (PD) activities. This concept paper aims to discuss the influence of TPC and PD on efforts to improve the quality of education, and increase the level of 21st century skills among teachers. Based on the literature review, it has been found that teachers need to make the pedagogical paradigm shift based on current curriculum changes. This shift is possible through various PD activities. Effective implementation of PD activities has a significant relationship with TPC and student performance. The diversity of these PD activities has also been found to improve teachers' confidence levels. The success of an organization to planning, organizing, and implementing PD activities effectively enhances the level of TPC and finally influences student performance. Competent and quality teachers are key determinants of the success of the national education system.

Keywords: Teacher Professional Competency (TPC); Professional Development (PD); 21st century skills

1.0 Pengenalan

Pendidikan merupakan satu bidang profesional yang sangat dinamik dan sentiasa berkembang seiring dengan keperluan kemahiran abad ke-21. Kemahiran abad ke-21 melibatkan kemahiran pemikiran kritis, penyelesaian masalah, komunikasi, kolaborasi, kreativiti dan inovasi, teknologi maklumat dan media, kehidupan dan kerjaya, inisiatif dan hala tuju, kemahiran kebudayaan, produktiviti dan akauntabiliti, kepimpinan dan kebertanggungjawaban (*Partnership For 21st Century Skill*, 2010). Kemahiran baharu ini telah diberi penekanan utama semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di sekolah. Bahkan ia telah menjadi elemen utama dalam transformasi kurikulum pendidikan negara yang ditunjangi oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Dengan pelbagai keperluan kemahiran-kemahiran baharu ini, wujud permintaan terhadap modal insan yang mempunyai kecekapan dan kemahiran abad ke-21 untuk terus hidup berdikari di luar sekolah dan berdaya saing di peringkat global. Justeru, pendidikan merupakan mekanisma yang paling ampuh untuk memupuk dan merealisasikan kemahiran-kemahiran baharu ini dalam kalangan pelajar.

Sejajar dengan keperluan kemahiran baharu ini, kecekapan dan kompetensi para guru menjadi satu dimensi yang sangat kritikal untuk dipastikan agar sentiasa seiring dengan keperluan semasa. Kompetensi profesionalisme guru (KPG) sering dijadikan kayu ukur untuk menilai tahap produktiviti guru-guru dalam melaksanakan peranan dan tugas hakikinya sebagai pendidik. Bagaimana para guru memainkan peranan ini akan menentukan sejauh mana keberkesanan dan kecekapan sesebuah sekolah akan terhasil. Kejayaan dan keberhasilan sesebuah sekolah sering dirujuk melalui kemenjadian pelajarnya sama ada dari aspek pencapaian akademik, kokurikulum dan sahsiahnya. Justeru, menjadi satu kewajipan bagi warga pendidik untuk sentiasa meningkatkan kompetensi pengetahuan, kemahiran dan merubah sikap serta menyesuaikan diri terhadap keperluan pendidikan masa hadapan agar sentiasa relevan (McGhee & Thayer, 2011). Seperkara yang penting di sini ialah ia merupakan proses yang berlaku secara berterusan (Toh, 2005). Hal ini boleh dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti pembangunan profesionalisme (PP) selaras dengan perkembangan pendidikan (Khalid Johari, Dewi Isma Madzlan, Shukri Zain, & Mohd Khairuddin Abdullah, 2011).

Negara memerlukan generasi masa hadapan yang boleh berfikir secara kritikal, mampu menyelesaikan masalah, berkomunikasi, berkolaborasi, dan berkebolehan menguasai teknologi maklumat dengan berkesan. Kemahiran baharu ini bukan sahaja penting untuk peningkatan kerjaya bahkan dapat meningkatkan kualiti kemahiran hidup peribadi dan moral generasi akan datang (*Partnership for 21st Century Skill*, 2010). Justeru, guru hari ini harus mampu menguasai sukatan pelajaran, mahir dalam strategi pengajaran, bersifat penyayang, menguasai psikologi pendidikan, dan cekap teknologi (James Ang, 2017). Selain itu, guru juga perlu

mengamalkan pembelajaran berpusatkan pelajar, memanfaatkan teknologi dan inovasi melalui gajet, telefon pintar, jaringan global, dan blog bagi merapatkan jurang antara guru dan pelajar (Palmer, 2015). Guru juga perlu memantapkan strategi pengajaran (PADU, 2015). Namun kajian mendapati masih ramai guru yang selesa dengan kaedah konvensional (Davidson, Lickona & Khmelkov, 2007; Witt & Orvis, 2010; Masyuniza Yunos, 2015). Kajian juga mendapati tahap amalan pedagogi menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi didapati masih rendah (Badrul Hisham dan Mohd Nasaruddin, 2015). Tambahan pula, perubahan dalam kandungan sukatan pelajaran telah mendesak kepada keperluan siri-siri latihan PP bagi meningkatkan KPG untuk memperoleh ilmu pengetahuan terkini seiring perubahan kurikulum semasa dengan lebih yakin (Norhana Mohamad Saad, Juliana Baharuddin, & Siti Noor Ismail, 2016).

Guru adalah salah satu faktor penentu terhadap pencapaian pelajar, kemajuan sesebuah sekolah dan reformasi atau peningkatan kualiti pendidikan (Sanders & Rivers, 1996; Fielstein & Phelps, 2000; dan Colin, 2008). Selain itu, ia juga bergantung kepada pengetahuan, kemahiran, dan komitmen guru (Burden dan Byard, 2009). Justeru, PP yang berkualiti adalah komponen utama untuk meningkatkan KPG. Para pembuat dasar kini semakin menyedari bahawa sekolah tidak boleh lebih baik daripada guru dan pentadbir yang bekerja di dalamnya. Walaupun program PP yang dicadangkan berbeza-beza dari aspek kandungan dan format, namun sebahagian besarnya berkongsi tujuan bersama iaitu mengubah amalan profesional, kepercayaan, dan pemahaman warga sekolah ke arah matlamat meningkatkan kualiti pendidikan.

2.0 Kompetensi Profesionalisme Guru (KPG)

Kompetensi merujuk kepada ciri-ciri peribadi, pengetahuan, dan kemahiran yang ada pada seseorang untuk menjalankan tugasnya dengan efektif. Agus Dharma (2003) telah mendefinisikan kompetensi sebagai keupayaan atau kemahiran yang ditunjukkan semasa seseorang itu melaksanakan tugas yang diberi, manakala Daud Ibrahim (2003) pula telah mentakrifkan kompetensi sebagai *competence, proficiency, skillful and skill*. Jika dilihat melalui perspektif pasaran kerja dan sumber manusia, maka kompetensi dapat dikaitkan dengan kelayakan atau kemahiran tingkah laku individu yang berpotensi terhadap persekitaran dan etika kerja yang khusus dalam penggunaan pengetahuan yang relevan (Van Loo dan Semeijn, 2004). Selain itu, kompetensi juga dirujuk sebagai set kemahiran, pengetahuan, sikap, dan pembolehubah motivasi yang membentuk dasar untuk menguasai situasi tertentu (Epstein & Hundert, 2002; Kane, 1992; Weinert, 2001; Klieme, Hartig, & Rauch, 2008). Berdasarkan pendekatan ini, dapatlah disimpulkan bahawa set-set kemahiran, pengetahuan, sikap, dan ciri-ciri motivasi bukanlah sesuatu yang semula jadi, bahkan ia boleh diajar dan boleh dipelajari.

Guru adalah insan terpilih, memenuhi standard tertentu dan telah mengikuti latihan ikhtisas sama ada sijil perguruan, diploma pendidikan atau ijazah pendidikan daripada mana-mana institusi pendidikan yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Guru merupakan perantara yang menyampaikan ilmu kepada pelajar. Oleh itu, guru harus mempunyai kompetensi profesional dan set-set kemahiran tertentu agar ilmu dapat disampaikan dengan berkesan kepada pelajar. Dalam konteks perbincangan ini, kompetensi merujuk kepada standard profesionalisme perguruan yang merupakan set kriteria minima yang perlu ada dan ditunjukkan oleh seseorang guru dalam pelaksanaan skop tugasannya. Guru yang kompeten dan profesional perlu berkredibiliti dan berintegriti (Asariah Mior Shaharuddin, 2009). Justeru, guru adalah individu yang bertanggungjawab terhadap operasi sistem pendidikan di sekolah, maka setiap guru mesti mempunyai kompetensi profesional yang kukuh dan efektif bagi memastikan kemenjadian pelajar diupayakan semaksima mungkin. KPG perlu sentiasa ditambahbaik agar kekal relevan melalui aktiviti pembangunan profesionalisme berterusan atau pembelajaran sepanjang hayat.

3.0 Pembangunan Profesionalisme (PP)

Pembangunan merujuk kepada aktiviti atau program untuk meningkatkan kompetensi ahli organisasi sama ada melalui aktiviti dalam jangka pendek mahupun jangka panjang (McGhee & Thayer, 2011). Aktiviti ini amat penting sebagai wadah untuk menyediakan ahli organisasi tentang tugas, peranan, dan keperluan di masa hadapan. Flippo (2013) berpendapat pembangunan adalah apa-apa program berbentuk formal yang dijalankan sama ada di dalam mahupun di luar organisasi. Program ini dirangka dan dilaksanakan bertujuan bagi membantu ahli dan staf dalam organisasi untuk membangunkan personaliti, bertanggungjawab, memperkukuhkan kemahiran dan kompetensi sedia ada bagi memenuhi keperluan organisasi di masa hadapan.

Istilah pembangunan guru seringkali diguna pakai secara bersilih ganti dengan perkataan pembangunan staf, pembangunan profesional, dan pemabangunan profesionalisme berterusan. Berdasarkan sorotan literatur, pandangan tentang PP dapat dibahagikan kepada tiga iaitu; 1) PP sebagai suatu proses; 2) PP sebagai satu produk, dan 3) PP sebagai gabungan antara proses dan produk. PP didefinisikan sebagai suatu proses pelbagai dimensi yang merangkumi segala aspek latihan sama ada latihan persediaan, amalan dan bimbingan, dan tindakan susulan serta sokongan (Guskey dan Spark, 1991). Namun, pendapat kedua telah mentafsir PP sebagai

suatu produk yang mampu memberi kesan langsung dan tidak langsung yang memberi pengaruh dalam memastikan keberkesanan PP guru. Impak langsung dilihat sebagai aktiviti PP guru yang membawa kepada meningkatkan prestasi dalam melaksanakan tugas, meningkatkan laluan kerjaya dan membantu memperkasakan guru menghadapi cabaran masa hadapan (Amin Senin, 2008; Bradley, 1987). Impak tidak langsung pula merujuk kepada tahap pencapaian pelajar. Seterusnya pendapat ketiga melihat PP sebagai kombinasi antara proses dan produk; proses merangkumi persediaan, pelaksanaan, dan tindakan susulan, manakala produk pula dilihat berdasarkan output yang memberi impak langsung dan tidak langsung ke atas personel (Yew, 2009). Dalam kajian ini, penyelidik mengguna pakai definisi PP berorientasikan proses dan produk apabila PP guru dilihat sebagai semua aktiviti pembelajaran profesional yang dilalui oleh guru selepas mereka mengikuti latihan praperkhidmatan dengan matlamat memantapkan kualiti pengajaran yang akhirnya meningkatkan pencapaian pelajar.

4.0 Perbincangan

Prinsip asas kompetensi guru terbahagi kepada 4 bahagian utama iaitu kompetensi profesional, sosial, personel dan pedagogi (Thakur & Sekhawat, 2014). Guru yang kompeten tidak hanya perlu menguasai pengetahuan, dan kemahiran profesional semata-mata, menguasai kepelbagai kemahiran dan pengetahuan pedagogi abad ke-21, bahkan mempunyai ciri-ciri peribadi untuk melaksanakan pengajaran yang berkesan. Para guru juga harus mempunyai motivasi untuk meningkatkan potensi pelajar yang pelbagai di samping memajukan pembangunan diri bagi memenuhi keperluan pengetahuan, kemahiran, dan nilai-nilai baharu seiring keperluan masa hadapan.

Guru yang rendah tahap kompetensinya dalam penguasaan kemahiran asas untuk mengendalikan kegiatan kokurikulum merupakan faktor yang menyebabkan kelemahan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah (Mahamad Amran, 2013). Kekurangan kemahiran ini telah menyebabkan guru gagal mengelola aktiviti kokurikulum dengan baik dan kreatif. Guru tidak berjaya menarik penglibatan pelajar menyebabkan pelajar mudah bosan dan keadaan ini menyumbang kepada peningkatan kadar ketidakhadiran pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Situasi ini memberi gambaran kegagalan guru untuk berperanan sebagai *role model* yang terbaik kepada pelajar (Mohd Nor & Teik Seng, 2012). Natijahnya, pencapaian pelajar di bidang kokurikulum juga rendah. Kajian ini berjaya memberi input yang berguna dalam membantu pentadbir sekolah merancang aktiviti pembangunan profesionalisme guru yang dapat memantapkan kompetensi guru khususnya dari aspek kemahiran untuk menjalankan aktiviti kokurikulum.

Berbeza dengan kajian oleh Haslinda Hussain, Siti Noriam Yaakob dan Mohd Radzani Abdul Razak (2017) menunjukkan dapatan yang sebaliknya. Kajian menunjukkan tiada perkaitan antara kompetensi guru dengan prestasi kokurikulum pelajar sekolah menengah di Selangor. Kajian dilakukan ke atas 373 responden dalam kalangan guru penasihat kokurikulum. Hasil kajian menunjukkan kompetensi guru berada pada tahap yang tinggi dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum. Guru-guru didapati sangat kompeten dalam aspek kemahiran, pengetahuan, dan menunjukkan sikap yang baik dan aktif semasa aktiviti kokurikulum dilaksanakan. Guru berjaya merancang dan melaksanakan aktiviti kokurikulum dengan baik. Hasil kajian ini sebenarnya penting dalam usaha membantu pihak pentadbir sekolah membuat agihan tugas guru berdasarkan kemahiran dan kepakaran guru. Justeru, pentadbir perlu meneliti latar belakang, minat, dan kemahiran guru agar guru yang benar-benar kompeten dalam sesuatu tugas ditempatkan diposisi yang tepat (Haslinda Hussain et. al., 2017)

Selain kompeten dalam penguasaan kemahiran asas kokurikulum, guru juga harus mahir dalam teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). TMK memainkan peranan penting dalam era pendidikan abad ke-21 yang menjurus ke era revolusi industri 4.0. Ia telah membawa perubahan besar dalam bidang pendidikan berkaitan aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) (Rogayah & Mohd Aderi, 2016). Kepentingan TMK dalam pendidikan telah digarap dengan jelas melalui anjakan ke-7 di dalam PPPM iaitu pemanfaatan TMK bagi tujuan peningkatan mutu pembelajaran (PPPM, 2013). Hasil kajian Sugunah (2014) ke atas 27 orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) Temenggong Ibrahim Johor mendapati para pelajar mempunyai tahap menguasai tahap kemahiran TMK yang tinggi kerana sering didedahkan kepada pengoperasian dan penggunaan aplikasi asas komputer bagi tujuan pendokumentasian maklumat tugas dan pencarian maklumat melalui internet. Proses pendedahan dan latihan yang berterusan ini telah berjaya meningkatkan tahap penguasaan TMK dalam kalangan pensyarah dan akhirnya memberi kesan tidak langsung kepada tahap penguasaan para pelajar. Namun kajian oleh Shah Rulbani Zakaria, Mohd Isa Hamzah dan Khadijah Abdul Razak (2017) mengkaji tahap penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam kalangan pensyarah Pendidikan Islam di tujuh buah politeknik di zon selatan dan mengenal pasti perbezaan penggunaan TMK berdasarkan pengalaman mengajar menunjukkan dapatan yang berbeza. Hasil kajian mendapati ketidaksepadanan antara tahap KPG guru dan hasil pembelajaran pelajar. Para pensyarah ini didapati mempunyai tahap pengaplikasian TMK yang tinggi namun penglibatan dan penggunaan *Curriculum Information and Document Online System (CIDOS)* bagi mewujudkan budaya e-learning dalam kalangan

pelajar politeknik di zon selatan masih rendah. Kajian menunjukkan pengaplikasian TMK boleh merangsang pelajar untuk belajar dengan lebih berkesan melalui penggunaan visual dan bunyi (Noor Aini Ahmad, 2014). Kemahiran dan celik TMK membantu guru menjadi lebih kompeten dan dinamik (Badrul Hisham & Mohd Nasaruddin, 2015).

Sementara itu, kajian Amir Juhari dan Noor Zila Md Yusuf (2018) terhadap guru pelatih elektif Bahasa Melayu di daerah Kubang Pasu, Kedah menunjukkan kebolehan guru mengaplikasikan elemen 4C dan 1M iaitu *Communication, Colaborative, Creative Thinking*, dan *Creativity* dan Moral mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang seronok, selesa, dan aktif dalam kalangan pelajar. Hasil kajian ini juga telah menjelaskan bahawa elemen 4C 1M sangat penting diamalkan agar strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid dan elemen KBAT dapat diterapkan. Kajian Badrul Hisham dan Mohd Nasaruddin (2015) pula menunjukkan pengaplikasian amalan KBAT adalah rendah tetapi tinggi terhadap amalan pedagogi Berasaskan Projek. Justeru para guru perlu berubah dari segi cara berfikir dan cara bekerja. Guru perlu berfikiran kritikal, kreatif, inovatif, mampu membuat keputusan dan penyelesaian masalah bagi menerapkan amalan pedagogi abad ke-21 dan menjadi lebih dinamik.

Dapatan-dapatan kajian ini memberi maklumat kepada perancang PP bahawa aktiviti PP bukan lagi berbentuk program jangka pendek. Malahan ia hendaklah direka bentuk sebagai program intervensi jangka panjang yang memperkasakan para guru melalui latihan dalam perkhidmatan (Feiman-Nemser, 2001; Putnam & Borko, 2000; Cochran- Smith dan Lytle, 2000). Proses pembelajaran ini memerlukan masa yang panjang bagi membolehkan pengetahuan baharu yang diperoleh diadun dan disesuaikan serta diintegrasikan dengan pengetahuan sedia ada (Dudzinski, Roszmann-Millican & Shank, 2000). Tambahan pula aktiviti PP seringkali dikaitkan dengan segala kegiatan yang memberikan pengalaman pembelajaran sama ada secara sendiri mahupun kolektif dengan matlamat untuk memberikan nilai tambah kepada kepimpinan sekolah dan guru. Pelbagai aktiviti PP yang boleh diikuti seperti kursus, wacana ilmu, penulisan dan pengkaryaaan, PLC, ulasan buku, *coaching and mentoring*, lawatan penanda aras, bengkel, inovasi, peningkatan akademik, penyelidikan, portal e-guru dan aktiviti pembangunan profesional lain (KPM, 2014).

Kajian Haslina Hanapi, Muhamad Sidek Said dan Fauzi Mohamad (2018) di sekolah TS25 di Terengganu menunjukkan bahawa aktiviti PP telah berjaya meningkatkan proses pembelajaran para guru. Selain itu ia juga mampu membekalkan ilmu-ilmu baharu dan terkini selari dengan perubahan kurikulum semasa dengan lebih yakin (Norhana Mohamad Saad, Juliana Baharuddin, & Siti Noor Ismail, 2016). Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah Kursus Kecedasan Pelbagai, i-Think, Pembelajaran Koperatif, Bengkel Kefahaman Reka Bentuk, dan Pembinaan Item KBAT. Siri kursus-kursus ini juga telah berjaya meningkatkan pemahaman para guru terhadap elemen *Professionals Learning Community* (PLC). Peningkatan pemahaman terhadap aktiviti PLC menjadi salah satu indikator terhadap peningkatan KPG. PLC mempunyai hubungan yang signifikan dengan guru yang komited, berkolaborasi, melakukan inkuiri sendiri dan kajian tindakan bagi meningkatkan prestasi pelajar (Rosenholtz, 1989; Little & McLaughlin, 1993; Dufour, Eaker & Many, 2006).

Selain itu, kajian oleh Kunter, Baumert, Voss, Klusmann, Richter dan Hachfeld (2013) ke atas 194 orang responden yang mewakili pelajar Matematik sekolah menengah di Jerman mendapati guru yang kompeten memberi kesan kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran pelajar. Aspek kompetensi guru yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah pengetahuan kandungan pedagogi, nilai profesional, motivasi dan pengawalan diri. Di samping itu, kajian ini juga mengkaji bagaimana aspek-aspek tersebut mempengaruhi kualiti pengajaran guru dan pencapaian pelajar. Pelbagai langkah dikenal pasti untuk menilai kompetensi guru terhadap kualiti pengajaran dan pencapaian pelajar. Berdasarkan model persamaan struktur dua peringkat menunjukkan wujud hubungan yang positif antara pengetahuan kandungan pedagogi, nilai profesional, motivasi, dan kemahiran pengawalan diri terhadap kualiti pengajaran guru dan pencapaian pelajar.

Kesimpulannya, terbukti PP berpengaruh secara empirikal terhadap KPG dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Program PP yang direka bentuk secara terancang mampu meningkatkan tahap kompetensi guru. Hakikatnya PP merupakan satu proses pembelajaran guru yang kritikal kerana kesemua dimensi seperti objektif, kandungan, kaedah penyampaian kandungan atau pedagogi, dan penilaian seharusnya berlaku secara serentak dan berterusan. Sehubungan dengan itu, guru perlu berperanan sebagai subjek dan objek dalam proses PP bagi memastikan kejayaan program (Muhammad Faizal A. Ghani, Abdul Khalil Adnan, Zaharah Hussin, Norfariza Mohd Radzi, Ainoor Mahfuzah Ahmad dan Faisol Elham, 2016). Justeru, membangunkan KPG berkaitan pengetahuan, kemahiran serta nilai profesionalisme merupakan kaedah terbaik bagi menangani perubahan persekitaran yang dinamik.

6.0 Kesimpulan

Perubahan persekitaran yang dinamik menuntut para guru untuk melakukan anjakan paradigma pedagogi sesuai dengan perubahan kurikulum semasa. Anjakan ini hanya dapat dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti PP. Kejayaan sesebuah organisasi merancang dan melaksanakan aktiviti PP yang berkesan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap KPG dan seterusnya meningkatkan prestasi pencapaian dan kemenjadian pelajar. Sehubungan dengan itu, KPG merupakan amalan penambahbaik yang perlu dilaksanakan secara tersusun dan berterusan. Ini penting kerana guru adalah individu yang bertanggungjawab secara langsung di lapangan terhadap operasi sistem pendidikan di sesebuah sekolah. Justeru guru mesti sentiasa relevan dan kompeten dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai pendidik. Hasrat ini hanya boleh dicapai melalui penglibatan aktif para guru di dalam pelbagai aktiviti PP yang dirancang. Penglibatan di dalam pelbagai aktiviti PP selain berupaya meningkatkan kompetensi guru ia juga berperanan meningkatkan tahap keyakinan guru dalam melaksanakan tugas dan peranan hakikinya. Guru berkualiti merupakan penyumbang utama peningkatan tahap kualiti pendidikan sesebuah negara.

RUJUKAN

- Agus Dharmas. (2003). *Manajemen Supervisi*. Cetakan Kelima, Raja Grafindo Persada, Jakarta.
- Amin Senin. (2008). *Pembangunan profesional guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Amir Juhari & Noor Zila Md Yusuf. (2018). Pengaplikasian 4C 1M dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Abad 21. *Seminar Kebangsaan PdPc Abad ke-21*.
- Asariah Mior Shaharuddin. (2009). *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Borko H. and Putnam R. T. (1995). Expanding a teacher's knowledge base: A cognitive psychological perspective on professional development, In T. R. Guskey & M. Huberman (Eds.), *Professional Development in Education: New Paradigms and Designs*, New York: Teachers College Press, pp. 35–65.
- Cochran-Smith, M., & Lytle, S. L. (2001). Beyond certainty: Taking an inquiry stance on practice. In: Lieberman, A.; Miller, L. (Eds.), *Teachers caught in the action: Professional development that matters*. New York: Teachers College Press.
- Daud Ibrahim (2003). *Mengenalpasti Masalah-masalah Dalam Melaksanakan Standard ISO 9000*. Tesis Sarjana. Bangi : UKM
- Davidson, M., Lickona, T., & Khmelkov, V. (2007). Smart and good schools : A paradigm shift for character education. *Education Week*, 27 (12), 32-40
- Dudzinski, M., Roszmann-Millican, M., Shank, K. (2000). Continuing professional development for special educators: Reforms and implications for university programs. *Teacher Educational and Special Education*, 20(3), 54–55
- Epstein, R. M., & Hundert, E. M. (2002). Defining and assessing professional competence. *JAMA: Journal of the American Medical Association*, 287, 226–235. doi:10.1001/jama.287.2.226
- Feiman-Nemser S. (2001). "From preparation to practice: Designing a continuum to strengthen and sustain teaching", *Teachers College Record*, Vol. 103, pp. 1055–1113.
- Flippo, B. E. (2013). *Principle of management*. New Delhi: Mc Grow Hill Company
- Guskey, T.R., & Spark, D. (1991). What no consider when evaluating staff development. *Educational Leadership*, 49 (3), 73-76.
- Haslina Hanapi, Muhamad Sidek Said & Fauzi Mohamad. (2018). Kajian pelaksanaan Professional Learning Community (PLC) di sekolah menengah transformasi (TS25) Negeri Terengganu. *Seminar Kebangsaan PdPc Abad Ke-21*, 23-25.
- Kane, M. T. (1992). *The assessment of professional competence*. *Evaluation & the Health Professions*, 15, 163–182. doi:10.1177/ 016327879201500203
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2014). *Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Putrajaya, Malaysia.
- Klieme, E., Hartig, J., & Rauch, D. (2008). The concept of competence in educational contexts. In J. Hartig, E. Klieme, & D. Leutner (Eds.), *Assessment of competencies in educational contexts* (pp. 3–22). Göttingen, Germany: Hogrefe & Huber.
- Mahamad Amran Kamsi. (2013). Melindungi masa instruksional dalam kegiatan kokurikulum di sekolah: Isu dan cadangan penyelesaian. *Bahagian Kokurikulum dan Kesenian*.
- Masyuniza Yunos. (2015). Hubungan sikap dan persepsi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dengan kemahiran abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 22-30.
- McGhee, W., & Thayer, P. W. (2011). *Training in business and industry*. New York: John Wiley and Sons.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Abdul Khalil Adnan, Zaharah Hussin, Norfariza Mohd radzi, Ainoor Mahfuzah Ahmad & Faisol Elham. (2016). Program pembangunan profesionalisme guru sekolah menengah berprestasi tinggi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(3).

- Norhana Mohamad Saad, Juliana Baharuddin, & Siti Noor Ismai. (2016). Hubungan antara tahap kompetensi fungsional guru dengan pencapaian akademik pelajar di sekolah menengah di negeri Kelantan. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA*.
- Partnership for 21st century skills (2006). *Framework for 21st century learning*. <http://www.p21.org/document/ProfDev.pdf>
- Putnam, R.T, & Borko, H. (2000). What Do New Views of Knowledge and Thinking Have to Say About Research on Teacher Learning? *Journal Educational Researcher* 29(4), 4–15. doi:10.3102/0013189X029001004
- Rogayah Mohd Zain & Mohd Aderi Che Noh. 2016. Kesan globalisasi ke atas Pendidikan Islam kini. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke-11 (WPI11), 35-42.
- Shah Rulbani Zakaria, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. (2017). Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran pensyarah Pendidikan Islam di Politeknik Zon Selatan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(1).
- Sugunah, S. (2014). *Tahap kemahiran ICT dan pengurusan pengetahuan ahli-ahli jawatankuasa perwakilan pelajar di Institusi Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim, Johor*.
- Weinert, F. E. (2001). A concept of competence: A conceptual clarification. In D. S. Rychen & L. H. Salganik(Eds.). *Defining and selecting key competencies* (pp. 45–65). Seattle, WA: Hogrefe & Huber.
- Witt, R, & Orvis, J. (2010). *A guide to becoming a school of the future*. National Association of Independent school. <http://www.nais.org/articles/documents/naiscoaschools.pdf>